



## KENYATAAN MEDIA CO-OPBANK PERTAMA

17 DISEMBER 2018

### CO-OPBANK PERTAMA BUKA DUA (2) CAWANGAN SERENTAK DI BATU PAHAT DAN KUALA SELANGOR

1. Co-opbank Pertama (CBP) Cawangan Kuala Selangor dan Batu Pahat telah mula beroperasi pada 17 Disember 2018 dan ia merupakan cawangan ke 21 dan 22 CBP di seluruh negara. Kedua-dua cawangan ini juga merupakan cawangan kedua di negeri masing-masing dijangkakan akan dapat meningkatkan capaian kepada pelanggan sedia ada dan baharu CBP. Di samping itu, pembukaan cawangan dapat memberikan pilihan perkhidmatan perbankan kepada masyarakat setempat.
2. Pembukaan cawangan secara serentak ini juga dilihat sebagai pemangkin dalam memberikan usaha dalam menyokong pertumbuhan perniagaan CBP yang mampan serta keberhasilan untuk merealisasikan matlamat CBP sebagai ‘Co-opbank Syariah Terunggul Di Malaysia’.
3. Ketua Pegawai Eksekutif CBP, En. Mohd Nor bin Abdul Razak berkata, “Dengan jumlah keanggotaan individu melebihi 84,000 dan anggota koperasi berjumlah 672 di seluruh negara membuktikan bahawa CBP merupakan sebuah institusi kewangan yang telah mula menerima kepercayaan dan keyakinan masyarakat. Oleh yang demikian, CBP mensasarkan untuk membuka tiga (3) lagi cawangan baru dalam tahun 2019 sebagai sebahagian daripada strategi pengembangan perniagaan CBP”.
4. Pembukaan cawangan-cawangan ini juga bakal menjadi pendorong semangat dan iltizam untuk seluruh warga kerja CBP khususnya di Johor dan Selangor supaya terus meningkatkan prestasi perniagaan CBP dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelanggan.

5. Pada masa yang sama, pembukaan kedua-dua cawangan ini juga bakal menjadi platform kepada masyarakat setempat untuk turut terlibat dan memberikan sumbangan dalam mengembangkan gerakan koperasi di Malaysia.
  
6. CBP mempelawa seluruh anggota mesyarakat di sekitar Batu Pahat dan Kuala Selangor untuk menjadi anggota dan pelanggan CBP. Pihak yang berminat boleh menghubungi talian 1-300-88-7650 atau melayari laman web <http://www.cbp.com.my> untuk sebarang maklumat lanjut atau beruruskan terus dengan kedua-dua cawangan ini di alamat berikut:

<b>Co-opbank Pertama</b> <b>Cawangan Kuala Selangor</b> No. 19-G & 1,Jalan Bendahara 1/1 Taman Bendahara 45000 Kuala Selangor Selangor Darul Ehsan Tel : 03-328 7650	<b>Co-opbank Pertama</b> <b>Cawangan Batu Pahat,</b> No. 12, Jalan Setia Jaya Taman Setia Jaya 83000 Batu Pahat Johor Darul Takzim Tel : 07-433 7650
--	--

- Tamat-

**Jabatan Pengurusan Strategik**  
**Co-opbank Pertama**

**Syaiful Arief Syah Mohamed Said**  
**Pengurus, Transformasi**  
**syaiful@cbp.com.my**  
**013-3944999**

**Aminudin Ismail**  
**Ketua, Jabatan Pengurusan Strategik**  
**aminudin@cbp.com.my**  
**019-575 7650**